

25 MAR 1997

Mahathir-Tiba

DR MAHATHIR TIBA DI JEPUN BAGI LAWATAN RASMI

Oleh: Syed Jamil Jaafar

TOKYO, 25 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini bagi lawatan rasmi empat hari ke Jepun, yang menurut para pegawai menandakan bermulanya hubungan baru antara Kuala Lumpur dan Tokyo.

Cuaca petang yang nyaman dan segar pada awal musim bunga di sini menyambut Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali sebaik sahaja mereka melangkah turun dari pesawat di lapangan terbang Haneda.

Lawatan kali ini merupakan lawatan rasmi kedua Dr Mahathir ke Jepun dalam tempoh 14 tahun. Walaupun beliau datang ke negara ini hampir setiap tahun, ia merupakan lawatan peribadi atau lawatan kerja.

Para pegawai berkata hubungan antara Malaysia dan Jepun telah berubah daripada hubungan yang bercorak penerima-penderma pada tahun 70-an dan awal 80-an kepada corak perkongsian sekarang.

Lawatan Dr Mahathir ini dijangka meningkatkan lagi hubungan bercorak baru itu dengan menerokai dan mengenal pasti bidang-bidang kerjasama yang baru pula.

Rombongan rasmi yang mengiringi Dr Mahathir termasuklah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman.

Yang turut mengiringi beliau ialah delegasi perniagaan dengan 32 anggota.

Para pegawai berkata, kecuali isu defisit perdagangan yang sedia ada dan perlunya pemindahan teknologi dengan lebih cepat oleh syarikat-syarikat Jepun, tidak terdapat apa-apa isu yang dipertikaikan antara kedua-dua negara.

Perdana Menteri akan diberikan sambutan mengikut istiadat Jepun di Istana Tetamu Akasaka pagi esok, diikuti majlis menghadap Maharaja Akihito di Istana Maharaja.

Beliau akan mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya Ryutaro Hashimoto pada sebelah petang dan selepas itu menghadiri majlis makan malam di kediaman Perdana Menteri itu.

Sebelum itu pada tengah hari Dr Mahathir akan menghadiri mesyuarat meja bulat antara ahli perniagaan Malaysia dan ahli perniagaan Jepun. Beliau dijangka membuat ucapan ringkas pada pertemuan itu sebagai "jurujual No 1" Malaysia.

Beliau juga akan menyaksikan majlis menandatangani kontrak bernilai RM720 juta antara KL PRT Sdn Bhd dan konsortium tiga syarikat -- Itochu Corporation, Toyo Engineering Corporation dan Hitachi Ltd -- untuk pembekalan sistem monorel.

KL PRT Sdn Bhd sedang menjalankan pembinaan sistem monorel sejauh 16km yang dikenali sebagai PRT atau "People-Mover Rapid Transit" di Kuala Lumpur yang kini menghadapi kesesakan lalulintas itu.

Sementara itu, akhbar harian berbahasa Inggeris "The Japan Times" memaparkan fokus berita satu setengah muka mengenai lawatan Dr Mahathir dan Malaysia.

Fokus berita itu yang diiringi oleh gambar Dr Mahathir tersenyum serta berita kecil mengenai tarikan-tarikan pelancong di Malaysia, menyatakan ekonomi Malaysia terus tumbuh dengan kukuh dengan Keluaran Negara Kasar (KNK) tumbuh pada kadar 9.2 peratus pada 1994, 9.5 peratus pada 1995 dan 8.2 peratus pada 1996.

Peranan Malaysia kini semakin menyerlah di peringkat global, bukan lagi di peringkat serantau, menurut fokus berita itu yang berdasarkan kepada temu bual dengan Duta Besar Malaysia ke Jepun Tan Sri Muhammad Khatib Abdul Hamid.

Rencana itu juga menarik perhatian tentang usaha Malaysia dalam mewujudkan Koridor Raya Multimedia sementara di arena antarabangsa Malaysia turut menyumbang kepada usaha memelihara keamanan dengan menghantar tenteranya ke Angola, Mozambique, Somalia, Kuwait dan Bosnia-Herzegovina.

-- BERNAMA

SJ PR NMO